



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN JOHOR

ACCON 2012
ACADEMIC CONFERENCE

THE 8th UITMCJ
ACADEMIC CONFERENCE

Globalisation and Dynamics
Towards a World Class University

CD PROCEEDING

ACCON 08

Penyelenggara:

Rohani binti Jangga

Ainol Hasanal bin Jalaluddin

Dr. Carolyn Soo Kum Yoke

Noridah binti Sain

Terbitan:

BPJIA UiTM Cawangan Johor

2012

Cetakan Pertama 2012

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada BPJIA UiTM Johor.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

CD Proceeding for ACCON 08

8th Academic Conference, UiTM Johor

1. Proceeding

ISBN 978-967-0479-03-3

Diterbitkan oleh:

Bahagian Penyelidikan Jaringan Industri dan Alumni
UiTM Cawangan Johor
KM 12 Jalan Muar
85000 Segamat
JOHOR DT

Dicetak oleh:

Percetakan Segamat

Jalan Orkid
85000 Segamat
JOHOR DT

Pereka grafik: Unit Korporat dan Media
UiTM Johor

CONTENT

CLICK ON THE TITLE TO LINK TO THE FULL PAPER.

***A=Accounting; B= Information Management, Marketing & Management; C=Economy & Finance; D= FSKM; E=Other Discipline (CITU, APB, LAW)**

NOS.	REF.*	TITLE	AUTHOR
1.	E103	Penglibatan Syarikat Swasta Di Malaysia, Singapura Dan Indonesia Dalam Mengembangkan Potensi Harta Wakaf: Suatu Perbandingan	Mohd Ali Muhamad Don
2.	E104	Acquisition Of Verb-Tenses Among Esl Lecturers: An MDAB Pilot Study	1. Dr Carolyn Soo Kum Yoke 2. Nor Haniza Hasan
3.	A105	Tax Knowledge And Tax Compliance Among Self-Employed In Malaysia	1. Fatimah Alwi 2. Noraizah Abu Bakar
4.	B106	Knowledge Management Initiatives For Sirim Berhad	1. Siti Nuur-Ila Mat Kamal 2. Zainab Sulaiman
5.	B108	Managing Public Transport Service Operation In Reducing Travel Fear Factor	1. Rohana Sham 2. Mashita Sham 3. Khairunnisa Rahman 4. Nurazlina Samsudin
6.	C109	Employees' Perspective Of Ethics	1. Rabiatul Alawiyah Zainal Abidin 2. Raziah Bi Mohamed Sadique 3. Dr. Norhayati Alias 4. Pn Noraizah Abu Bakar
7.	E110	Using Online Corrective Feedback In The Editing Stage Of Academic Writing Among ESL undergraduates	1. Cecilia Bai Rajendran 2. Dr. Carolyn Soo Kum Yoke 3. Noridah Sain 4. Puteri Nur Hidayah Kamaludin 5. Sofwah Md Nawi 6. Suhaili Mohd Yusof

8.	B113	Cointegration And Causality Between Overnight Policy Rate And Commercial Bank Rate	<ol style="list-style-type: none"> 1. Abdul Razak Bin Jambari 2. Azizah Binti Daut 3. Noranita Abdamia
9.	C115	Energy Consumption, Gross Domestic Product, Foreign Direct Investment And Co2 Emission In Malaysia	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mohd Azim Sardan 2. Azman Ali 3. Tan Yan Ling 4. Abdul Razak Jambari
10.	C118	Systematic Risk Of Malaysian Stock	<ol style="list-style-type: none"> 1. Tay Bee Hoong 2. Tan Yan Ling 3. Nur'asyiqin Ramdhan 4. Zulkifli Mohamed
11.	B119	The Impact Of Semantic Web On Digital Libraries Development	<ol style="list-style-type: none"> 1. Muhammad Asyraf Bin Wahi Anuar 2. Isma Bin Ishak
12.	E120	Penggunaan Kata Kerja Kini (الفِعل المُضارع) Dalam Al-Quran Dari Sudut Masa	Abd Rahman Jamaan
13.	B128	Pusat Sumber Sekolah Sebagai Ejen Kecemerlangan Sijil Pelajaran Malaysia (Spm): Kajian Ke Atas Pelajar Baru Sesi Disember-April 2010, UiTM , Johor	<ol style="list-style-type: none"> 1. Nor Diana Bte Abd. Rahman 2. Nor Ezan Bin Omar 3. Zailani Bin Shafie
14.	E129	Pengurusan Zakat Di IPTA : Pengalaman Dan Cabaran di UiTM	<ol style="list-style-type: none"> 1. Nazrudin Bin Hashim 2. Mohd Zainoddin Bin Mustaffa
15.	E130	Kajian Ke Atas Penggunaan Partikel Mod UiTM al Pelajar Johor Dalam Pembelajaran Bahasa Mandarin	Chong Peng Hwa
16.	B135	A Case Study Of Digi Telecommunications Sdn Bhd Strategic Marketing Analysis	<ol style="list-style-type: none"> 1. Rohanizan Md Lazan 2. Roslina Ali 3. Shaherah Abd Malik 4. Rabiatal Alawiyah Zainal Abidin
17.	B138	Entrepreneurial Strategic Alliances And Partnership Of Marketing And Retailing In Small And Medium Enterprises In Agro Sapling Supply Chain	<ol style="list-style-type: none"> 1. Shaherah Abd. Malik 2. Wan Haslin Aziah 3. Syaidatul Zarina Mat Din 4. Roha Mohamed Noah 5. Norhayati Omar

18.	D139	Student Timetable Asistant System (Stasys)	<ol style="list-style-type: none"> 1. Noor Azrin Binti Zainuddin 2. Nafisah Binti Jamingan @ Amin 3. Mohamad Azlan Shah Bin Mohamed Azman
19.	E141	Using Readers Theatre To Improve Reading Fluency And Comprehension	<ol style="list-style-type: none"> 1. Evelyn Sharminnie Vasuthavan 2. Dr Carolyn Soo Kum Yoke 3. S Kunaratnam Sita Raman 4. Nor Haniza Hasan 5. Cecilia Bai Rajendran 6. Noridah Sain
20.	A142	How Quantitative And Qualitative Of Data Research Can Be Embedded Together?	<ol style="list-style-type: none"> 1. Dr. Norhayati Alias 2. Pn Noraizah Abu Bakar
21.	B143	Preliminary Study On Social Network Among Malay Smes Entrepreneurs: Gender Differences	<ol style="list-style-type: none"> 1. Oswald Timothy Edward 2. Ehsan Fansuree Surin
22.	E144	Penambahbaikan Pembelajaran Di Sekolah Agama Kerajaan Negeri Johor: Kajian Pelaksanaan Sistem Anjal	<ol style="list-style-type: none"> 1. Prof. Madya Ahmad Nawawi Yaakob 2. Nor Rashidah Mohamed
23.	E137	Representasi Semantik Lewat Adat-Istiadat Perkahwinan Dalam Alam Minangkabau	Ainol Hasanah Bin Jalaluddin

Kajian ke atas penggunaan partikel modal pelajar UiTM Johor dalam pembelajaran Bahasa Mandarin

CHONG PENG HWA

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN JOHOR

Abstrak

Kajian ini cuba menyelidik perbandingan takrifan dan penggunaan kata partikel modal antara Bahasa Melayu dengan Bahasa Mandarin. Dalam Bahasa Mandarin, Kata Partikel Modal merupakan kata bantu yang mana perbezaan penggunaan setiap kata ini dalam jenis ayat membawa maksud yang berlainan dalam Bahasa Mandarin. Kajian ini menggunakan contoh-contoh kesilapan pelajar dalam pembinaan ayat dengan menggunakan Kata Partikel Modal. Untuk menganalisis masalah ini, kajian ini telah mengklasifikasikan penggunaan kata-kata tersebut secara terperinci. Kajian ini bertujuan mendapatkan maklumat tentang kefahaman pelajar dari sudut bentuk, semantik dan sintaks dalam Kata partikel modal antara dua bahasa agar pelajar dapat menggunakannya dengan tepat semasa berkomunikasi.

Pengenalan

Kata Partikel Modal merupakan kata bantu yang unik dalam tatabahasa Mandarin. Penggunaan partikel modal yang tepat dan sesuai dapat menyampaikan perasaan dalam perbualan dan seterusnya mencapai matlamat perbualan. Di dalam situasi perbualan terdapat empat jenis ayat yang diucapkan, 1. Ayat yang menyatakan atau memberikan keterangan tentang sesuatu hal. 2. Ayat yang menanyakan sesuatu hal. 3. Ayat yang ditujukan kepada orang kedua untuk memberi arahan untuk melakukan sesuatu tindakan atau melarang dilakukan. 4. Ayat yang melahirkan suatu keadaan perasaan seperti gembira, takut, marah dan sebagainya. Sesuatu ayat yang diucapkan boleh menggunakan nada suara untuk menonjolkan sesuatu perasaan. Dalam konteks ini, partikel modal boleh digunakan untuk menyampaikan mesej, meluahkan pemikiran dan perasaan dalam perbualan. Lu Fu Bo (2010) menegaskan bahawa penggunaan partikel modal yang tepat dapat menguatkan maksud yang terkandung dan menimbulkan makna tambahan dari segi aspek emosi dalam perbualan. Teknik menerangkan ragam perasaan antara Bahasa Mandarin dan Bahasa Melayu mempunyai persamaan dan juga perbezaan dari segi golongan kata. Untuk mencapai kemahiran berkomunikasi dalam Bahasa Mandarin, pelajar yang belajar Bahasa Mandarin mulai tahap asas perlu memberi perhatian dan memahami makna penggunaan partikel modal.

Skop dan Sampel Kajian

Seramai 40 orang pelajar UiTM Johor yang belajar Bahasa Mandarin pada peringkat kedua telah terpilih sebagai objek kajian ini. Kajian ini menggunakan 2 buah buku teks (Bahasa Mandarin Perbualan 1 & Bahasa Mandarin Perbualan 2) sebagai bahan untuk mengumpul maklumat tentang partikel modal dalam ayat yang dipelajari oleh pelajar. Tujuan pengumpulan maklumat ialah untuk memahami proses pembelajaran dan mengklasifikasikan bentuk partikel modal yang dipelajari oleh pelajar. Kaedah ini juga dapat menentukan skop kajian yang akan digunakan untuk menilai kefahaman pelajar dalam pembinaan ayat yang menggunakan partikel modal. Matlumat yang terkumpul akan disusun dan dianalisis. Oleh itu, kajian ini telah mengenalpasti beberapa permasalahan penggunaan partikel modal :

- i. Bilangan pembelajaran partikel modal dalam bahan buku teks.
- ii. Kesukaran penguasaan ayat dalam proses pembelajaran partikel modal.
- iii. Punca kesilapan penggunaan partikel modal.

Ragam perasaan dalam perbualan boleh dizahirkan melalui beberapa pola ayat yang menggunakan kata partikel modal. Partikel modal mempunyai beberapa ciri unik iaitu 1. ia tidak boleh digunakan secara tersendiri yang mana ia lazimnya diletakkan di akhir ayat. 2. ia tidak mempunyai maksud yang tersendiri kerana ia merupakan morfema terikat. 3. ia disebut dengan nada neutral. 4. Gabungannya dalam ayat akan membawa maksud yang tersendiri. Suatu ragam perasaan tidak sepadan dengan hanya satu partikel modal sahaja, satu partikel modal boleh digunakan untuk mencirikan ragam perasaan yang berbeza. (Zhang Zhi Gong, 1985)

‘a’ , ‘ma’ , ‘ba’ dan ‘ne’ merupakan partikel modal yang utama dalam Bahasa Mandarin, ia dapat digunakan untuk melembutkan sesuatu pengucapan. Partikel modal ini yang diletakkan di akhir ayat dibaca dengan nada neutral boleh juga menyebabkan perubahan intonasi pada ayat yang diucapkan. Penggunaan partikel modal yang berbeza dapat menerangkan konteks bahasa yang berbeza. Jadi penggunaan partikel modal yang berbeza dalam ayat dapat menonjolkan ragam perasaan yang berbeza. Dalam usaha mencapai strategi komunikasi yang betul, pelajar Melayu tidak boleh mengelakkan penggunaan partikel modal dalam perbualan mereka.

Contoh :

Wǒmen qù chīfàn, hǎo ma ? (ma – minta persetujuan dengan maksud tanya)

Hǎo de (de – setuju dengan nada tegas dan pasti)

Hǎo ba (ba – setuju dengan nada tidak rela menerima)

Hǎo a (a – setuju dengan nada gembira)

Berdasarkan maklumat yang disusun dan dikumpulkan dari bahan rujukan, maksud terkandung dengan penggunaan partikel modal ‘a’ , ‘ma’ , ‘ba’ dan ‘ne’ dalam ayat dapat dianalisis seperti jadual di bawah :

Jadual 1: Klasifikasi Maksud Kandungan Partikel Modal Mengikut Jenis Ayat

	Ayat Penyata	Ayat Tanya	Ayat Perintah	Ayat Seruan
a	mengeluh, memastikan, menggesa, menyuruh, bersetuju	terperanjat, tidak terfikir	menggesa, mengarah, mengingatkan, memberi amaran	memuji, hairan, bergembira, menyesal, terkejut
ma	-	tanya (pasti/nafi)	-	-
ba	meminta, mengarah, berbincang, mengesyorkan, meneka, terpaksa bersetuju	mentaksir, meneka, membuat keputusan	meminta, menggesa, mengarah	-
ne	keadaan berterusan, hal yang dibesarkan	tidak pasti, meneka, tanya di mana atau bagaimana	-	-

Berdasarkan jadual di atas, partikel modal dapat diklasifikasikan fungsinya seperti maklumat di bawah :

1. Membantu menonjolkan nada perasaan yang disampaikan, menguatkan intonasi ayat (Hu Yu Shu, 2003)
2. Mencerminkan keadaan emosi dalam ayat.
3. Mengesahkan sesuatu pernyataan. (Fan Xiao, Zhang Yufeng , 2003)

Analisis bahan rujukan yang dikumpul

Untuk memahami proses dan keadaan pembelajaran partikel modal dalam kalangan pelajar, maklumat jenis ayat yang mengandungi partikel modal yang dipelajari dalam buku teks telah dianalisis.

Jadual 2 : Bilangan Jenis Ayat Yang Mengandungi Partikel Modal dalam Buku Teks

Partikel Modal	Bilangan ayat dengan kata partikel modal dalam Bahasa Mandarin Perbualan 1	Bilangan ayat dengan kata partikel modal dalam Bahasa Mandarin Perbualan 2
<u>Ayat Penyata</u>		
a	1	5
ba	1	4
ne	-	1
<u>Ayat Tanya</u>		
a	-	-

ma	13	18
ba	-	-
ne	7	4
<u>Ayat Perintah</u>		
a	-	-
ba	-	4
<u>Ayat Seruan</u>		
a	-	-

Merujuk jadual di atas, didapati bilangan kata partikel modal dalam setiap jenis ayat yang dipelajari oleh pelajar agak kurang dan tidak menyeluruh. Pelajar tidak mempelajari pelbagai kegunaan kata partikel modal dalam setiap jenis ayat. Kajian ini mengumpulkan maklumat kata partikel modal dari pelbagai sumber.

1. a

‘a’ boleh digunakan dalam pelbagai jenis ayat dan boleh digunakan untuk melembutkan nada intonasi ayat. Pelajar hanya belajar ‘a’ dalam jenis ayat penyata.

Shì a, zhèlǐ yǒu hěnyuǎn shíwù. (Ya, sini ada banyak makanan.) (bersetuju)

‘a’ digunakan dalam ayat penyata di atas mengandungi maksud nada setuju dan sedia menerima. Berdasarkan kosa kata yang dipelajari, pelajar boleh dibimbing untuk membina jenis ayat yang lain dengan ‘a’ supaya pemahaman pelajar terhadap partikel modal ‘a’ lebih mantap.

‘a’ dalam ayat tanya mengandungi maksud merujuk kepada sesuatu perkara yang ditanya. Jenis ayat ini boleh digunakan bersama-sama kata tanya seperti siapa, apa, bagaimana, di mana, bila dan lain-lain untuk menghasilkan ayat tanya yang menanyakan sesuatu hal.

Nǐ shénme shíhòu qù Jínlóngpō a?

(Bila kamu pergi ke Kuala Lumpur?) (terperanjat dan tidak menyangka)

Jika tidak menggunakan ‘a’ membawa maksud ayat menanyakan bila perbuatan akan dilakukan tetapi jika menggunakan ‘a’ merujuk bila perbuatan telah dilakukan. Penggunaan ‘a’ menguatkan intonasi ayat dan menekankan pertanyaan dengan nada terperanjat dan tidak menyangka. Selain itu, penggunaan ‘a’ dapat merapatkan hubungan antara penutur dan pendengar, membina suasana yang lebih erat dalam komunikasi.

‘a’ dalam ayat perintah mengandungi maksud menggesa untuk melakukan sesuatu perbuatan dengan nada tidak sabar. ‘a’ digunakan bertujuan untuk menimbulkan sesuatu tindakan secara objektif. ‘a’ dalam ayat perintah juga digunakan dengan nada bermaksud memberi perintah, larangan dan amaran.

Kuài jìnqù a! (Cepat masuk!) (menggesa orang untuk melakukan perbuatan)

‘a’ yang digunakan dalam ayat perintah di atas dengan nada menggesa dan memberi arahan agar pendengar melakukan perbuatan dengan cepat.

‘a’ dalam ayat seruan menonjolkan nada tinggi pada akhir ayat yang diucapkan. Penggunaan ‘a’ bertujuan melahirkan suatu keadaan perasaan seperti pujian, gembira, menyesal, kejutan dan lain-lain nada. Fan Xiao, Zhang Yufeng (2003) menegaskan bahawa semasa penggunaan ‘a’ dalam ucapan ayat perintah, keadaan emosi akan berubah mengikut kandungan yang diucapkan dan persekitaran perbualan. ‘a’ yang digunakan dengan kata adverba ‘tai’ atau kata sendi ‘duome’ boleh menguatkan nada ayat.

Jīntiān tiānqì hǎo rè a! (Wah, cuaca hari ini sangat panas!) (hairan)

Zhè pán chǎomiàn tài là a! (Wah, mi goreng ini terlalu pedas!) (hairan)

Tā de háizi duōme kě'ài a! (Amboi, anaknya sangat comel!)(memuji)

2. ‘ma’

Partikel modal ‘ma’ digunakan dengan kerap dalam ayat tanya. ‘ma’ yang diletakkan di akhir ayat tanya digunakan untuk menanyakan sesuatu yang tidak diketahui oleh penutur agar penanya mendapat jawapan yang jelas. Biasanya pelajar menggunakan ‘ma’ dalam menyoalkan sesuatu untuk mendapatkan atau menafikan sesuatu dengan pasti.

Nǐ máng ma? (Kamu sibukkah?) (bertanya)

Sebenarnya penggunaan ‘ma’ dalam ayat nafi kurang berterus-terang daripada ayat pasti. (Lu Shu Xiang, 2003)

Nǐ bù chīfàn ma? (Kamu tidak makankah?) (Tanya secara teragak-agak)

3. ‘ba’

Partikel modal ‘ba’ yang diletakkan di akhir ayat perintah yang membawa maksud memberi arahan, silaan, permintaan, desakan dan lain-lain. Lu Fu Bo (2010) menjelaskan penggunaan ‘ba’ dalam ayat perintah ini membawa maksud bahawa penutur tidak menegaskan atau memaksa sesuatu tindakan yang perlu dilakukan oleh pendengar.

Wǒmen kuài jìnqù! (Kita cepat masuk!) (menggesa orang melakukan perbuatan)

Wǒmen kuài jìnqù ba (Mari kita cepat masuk!) (meminta orang melakukan perbuatan)

Partikel modal ‘ba’ boleh digunakan untuk menyoal dalam ayat tanya, tetapi ia juga membawa maksud tekaan berbaur nada ragu tentang apa yang disoalkan.

Nǐ míngtiān bú qù shàngkè ba? (Kamu tidak pergi kuliah esok?)

(meneka orang melakukan perbuatan)

Partikel modal ‘ba’ yang digunakan dalam ayat penyata membawa maksud nada unsur perlu bersetuju. Penggunaan ‘ba’ dalam bentuk ayat ini juga menunjukkan penutur menilai atau mengesahkan sesuatu pernyataan secara tidak pasti.

4. 'ne'

Partikel modal 'ne' biasa digunakan untuk menanyakan sesuatu atau menanya tentang pemilihan. 'Ne' yang digunakan selepas kata nama dan kata ganti nama boleh menjadi satu ayat tanya tunggal merujuk kepada kata tanya seperti 'di mana' atau 'bagaimana'. Untuk menanya jenis ayat tanya 'ne', penutur perlu memastikan pendengar faham akan konteks perbualan. 'Ne' yang digunakan dalam ayat tanya mempunyai maksud unsur perbincangan dan meminta pendapat.

Wǒ yào qù Jílóngpō, nǐ ne ? (Saya nak pergi Kuala Lumpur, kamu pula?)

(tanya bagaimana)

Lìhuá ne ? (Di mana Lihua?) (tanya di mana)

Nǐ qù bu qù ne? (Kamu pergi atau tidak pergi?) (tanya pendapat untuk membuat pilihan)

'ne' digunakan dalam akhir ayat penyata membawa maksud sesuatu perbuatan atau keadaan masih dalam proses atau masih berlaku. 'ne' dalam ayat penyata juga membesar-besarkan sesuatu yang dirujuk, selalu digunakan bersama-sama dengan kata adverba 'cái, hái'.

Xiànzài cái 7 diǎn bàn, yánchànghuì hái méiyǒu kāishǐ ne.

(Sekarang baru pukul 7 setengah, konsert masih belum bermula)

(merujuk keadaan masih berlaku)

Tā bǐ wǒ hái xiǎo ne. (Dia lebih muda daripada saya)

(merujuk keadaan sebenar, ada sedikit unsur yang dibesar-besarkan oleh sesuatu)

Analisis Data Kesilapan Pelajar

Dengan menetapkan konteks, pelajar dikehendaki menggunakan kata partikel modal untuk membina pelbagai jenis ayat yang sesuai. Kajian ini menganalisis jenis-jenis ayat yang betul yang dibina oleh para pelajar. Sekiranya dalam kajian ini pelajar boleh membina ayat yang betul tetapi tidak menepati jenis ayat yang digolongkan akan dianggap salah.

Jadual 3: Jadual Analisis Kesilapan Ayat yang mengandungi Partikel Modal

Partikel Modal	Konteks	Peratus betul
A	Setuju dengan baik	52. 5%
	Tanya dengan rasa terkejut	0
	Memaksa terima sesuatu arahan atau amaran	0

	Seruan dengan rasa dipuji, seronok atau terkejut	5%
ma	Tanya sesuatu yang tidak diketahui	40%
Ba	Meneka sesuatu pernyataan	0
	Meneka sesuatu pertanyaan	0
	Sesuatu permintaan atau gesaan yang tidak dipaksakan	42. 5%
ne	Sesuatu yang dinyatakan masih dalam keadaan berterusan	10%
	Tanya di mana atau bagaimana	37. 5%

Berdasarkan maklumat yang dikumpulkan dan seterusnya menganalisa ayat partikel modal yang dibina oleh pelajar maka didapati peratusan ayat yang dapat dibina adalah tidak tinggi. Kebanyakan pelajar tidak faham partikel modal yang berlainan dapat digunakan dalam jenis ayat yang berbeza berdasarkan keadaan konteks dan membawa maksud yang berlainan. Pelajar tidak dapat membina jenis ayat partikel modal yang tidak pernah dipelajari mengikut konteks meskipun kata-kata ini pernah dipelajari. Pelajar hanya dapat membina ayat partikel modal mengikut konteks yang pernah dipelajari melalui buku teks.

Pelajar Melayu dapat membina ayat partikel modal ‘a’ yang membawa maksud setuju dengan baik. ‘*Hǎo a*’ dan ‘*Shì a*’ digunakan dalam komunikasi yang membawa maksud berjanji atau bersetuju bagi partikel modal ‘a’. Sungguhpun dalam buku teks, pelajar tidak pernah belajar tentang partikel modal ‘a’ dalam ayat seruan, tetapi selepas diterangkan oleh pengajar bahawa ‘a’ boleh digunakan untuk meluahkan perasaan kuat penutur. Pelajar yang dapat memahami penggunaan ‘a’ boleh membina ayat ‘*wǒ hěn è a!*’ (Saya sangat lapar!) dan ‘*tā de mèimei hěn kě’ài a!*’ (Amboi, adik perempuannya sangat comel!) dengan betul. ‘a’ yang digunakan dalam ayat tanya tidak pernah dipelajari melalui buku teks, maka pelajar tidak dapat membina ayat tersebut. Di samping itu, ‘a’ yang digunakan dalam ayat seruan yang bermaksud memaksa orang mengikut perintah atau memberi amaran juga mustahil dibina oleh pelajar.

Penggunaan partikel modal ‘ma’ mudah sekali kerana ‘ma’ digunakan untuk menanya sesuatu hal. ‘ma’ dapat digunakan untuk membina ayat tanya tertutup Bahasa Mandarin yang

memerlukan jawapan pasti atau tidak. Penggunaan ‘ma’ dalam Bahasa Mandarin menyamai partikel ‘kah’ dalam Bahasa Melayu. Tetapi ‘ma’ tidak boleh mengalami proses pendepanan predikat seperti partikel ‘kah’ iaitu ‘ma’ diletakkan pada hujung ayat. Selain itu, ‘ma’ juga tidak boleh digunakan bersama-sama kata tanya. Ada pelajar membina kesilapan ayat iaitu ‘*Nǐ yào qù nǎli ma?*’ (Di manakah kamu hendak pergi?), kesilpan ini berpunca daripada pengaruh tatabahasa Melayu di mana partikel ‘kah’ digunakan bersama-sama kata tanya atau kata ganti nama diri.

Pelajar menguasai penggunaan ‘ba’ dalam ayat perintah yang dalam keadaan meminta atau menyuruh orang melakukan sesuatu dengan sopan. Maksud terkandung dalam partikel ‘ba’ seperti juga partikel ‘lah’ dalam tatabahasa Melayu yang berfungsi dalam ayat untuk melembutkannya di samping menegaskan predikat. Ayat ‘masuklah’ dan ‘*jìnqù ba*’ dalam kedua-dua Bahasa Melayu dan Bahasa Mandarin mempunyai maksud yang sama. Tetapi dalam ayat penyata Bahasa Melayu, contoh ‘Orang itulah bapanya’ (Nik Safiah, 2009, p.261) membawa maksud bahawa orang itu pasti bapanya. Tetapi andai terjemahan langsung dilakukan, maka ‘*Nà ge rén shì tā de bàba ba*’ pula membawa maksud bahawa meneka orang itu bapanya. Ada pelajar membina ayat yang salah seperti ‘*Ambang Lù sāichē, guàibùde Ali hái méiyóu lái shàngkè ba*’ (Jalan Ampang sesak patutlah dia masih belum sampai), kerana ‘*guàibùde*’ dalam ayat sudah menekankan sesuatu dengan pasti tanpa perlu menggunakan partikel ‘ba’ lagi. Pelajar tidak pernah mempelajari kegunaan partikel ‘ba’ dalam ayat tanya, maka mereka tidak dapat membina ayat tanya dengan partikel ‘ba’.

Dalam buku teks, pelajar telah mempelajari partikel ‘ne’ bahawa partikel ‘ne’ boleh digunakan hanya dengan kata nama atau kata ganti nama diri untuk membina ayat tanya yang membawa maksud di mana atau bagaimana. Selain itu dalam ayat tanya yang mengandungi unsur predikat, penggunaan partikel ‘ne’ membawa maksud ‘pula’ iaitu apa yang hendak ditanya merujuk kepada perkara-perkara yang diterangkan dalam unsur predikat. Tatabahasa Melayu tiada partikel seperti ‘ne’ yang boleh digunakan dalam ayat penyata. Maka kebanyakan pelajar sukar memahami penggunaan partikel ‘ne’ dalam ayat penyata yang membawa maksud sesuatu masih dalam keadaan berterusan.

Rumusan

Daripada dapatan kajian di atas kita boleh merumuskan bahawa kesilapan binaan ayat yang mengandungi partikel modal, didapati ramai pelajar tidak faham sesuatu jenis ayat yang perlu menggunakan partikel modal yang sesuai mengikut konteks. Punca kesilapan ini kerana

faktor dalaman pelajar iaitu gangguan dari bahasa ibunda dan hukum-hukum dalam tatabahasa Mandarin, dan faktor luaran iaitu proses pembelajaran.

Untuk mengatasi faktor dalaman, pengajar perlu membimbing pelajar melakukan perbandingan Bahasa Melayu dan Mandarin semasa mengajar partikel modal supaya pelajar dapat memahami persamaan dan perbezaan penggunaan partikel modal di antara kedua-dua bahasa mengikut konteks tertentu. Selain itu, sesuatu partikel modal dalam Bahasa Mandarin mempunyai maksud kandungan mengikut konteks tertentu, maka pengajar harus menerangkan ciri-ciri unik tatabahasa partikel modal kepada pelajar. Melalui penerangan secara terperinci, pelajar dapat menggunakan partikel modal dengan tepat terutama untuk menyampaikan emosi sebenar dalam komunikasi, bukan hanya menyampaikan mesej secara kaku dalam komunikasi.

Kajian menunjukkan bahawa kekurangan ayat-ayat yang mengandungi partikel modal dalam buku teks telah menyebabkan tidak ramai pelajar dapat menggunakan partikel modal dalam komunikasi sebenar. Kebanyakan partikel modal muncul dalam ayat mengikut kandungan perbualan dalam teks. Penggunaan setiap partikel modal untuk semua jenis ayat tidak lengkap dalam buku teks, maka silabus pengajaran harus memberi penekanan dalam pengajaran partikel modal dari segi kandungan maksud dan hukum-hukum penggunaan berdasarkan komunikasi situasi sebenar. Pembelajaran partikel modal tidak harus dihadkan dalam suatu penggunaan atau fungsinya sahaja.

Apabila pelajar dapat memahami penggunaan partikel modal dalam menyampaikan emosi dan memantapkan gaya perasaan, mereka akan tertarik untuk mendalami pembelajaran Bahasa Mandarin dan seterusnya meningkatkan penguasaan Bahasa Mandarin.

Rujukan

Fan Xiao, Zhang Yu Feng. (2003). *Yufa Lilun Gangyao*. Shanghai : Shanghai Yiwu Press.

Hu Yu Shu (2006). *Xiandai Hanyu*. Shanghai : Shanghai Jiaoyu Press.

Li De Lu, Cheng Mei Zhen (1998). *A Practical Chinese Grammar For Foreigners*. Beijing Language And Culture University Press.

Liu Yue Hua, Pan Wen Yi, Hu Wei Hua (2003). *Shiyong Xiandai Hanyu Yufa*. Shangwu Press.

Lu Fu Bo. (2006). *Duiwai Hanyu Changyong Ciyu Duibi Lishi*. Beijing Yuyan Daxue Press.

Lu Fu Bo. (2010). *Wei Shenme Zuzhi, Jinzhi Ju Buyong Yuqici 'ba'*. *Shijie Hanyu Jiaoxue Xuehui Tongxu*. 2nd Edition.

Lu Shu Xiang. (2003). *Xiandai Hanyu Babai Ci*. Beijing : Shangwu Press.

Nik Safiah, Farid & Rakan. (2009). Tatabahasa Dewan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka & Kementerian Pendidikan Malaysia.

Soh Wei Nee, Chia The Heng, Liao Lay San, Mok Soon Sim. (2009). Bahasa Mandarin Perbualan untuk Penutur Bukan Jati 1. Xueer Publisher.

Soh Wei Nee, Chia The Heng, Liao Lay San, Mok Soon Sim. (2010). Bahasa Mandarin Perbualan untuk Penutur Bukan Jati 2. Xueer Publisher.

Zhang Zhi Gong. (1985). Xiandai Hanyu. Beijing : Renming Jiaoyu Press.